

14/09/2003

China berpotensi sebagai kuasa besar terunggul

Isu terbaru BusinessWeek tiada cerita Dr Mahathir dan Malaysia

DI KAMAR saya di China World Hotel (dipunyai oleh rakyat Malaysia yang terkaya, keturunan Cina) di mana Abdullah juga menginap terdapat majalah mingguan BusinessWeek yang terbaru, edisi Asia keluaran 15 September.

Saya dapati tiada cerita tentang Perdana Menteri dan Malaysia. Saya pun hairan juga kenapa selepas mengugut Datuk Seri Dr Mahathir, pemberitanya Michael Shari berpangkalan di Singapura yang membuat ugutan itu tidak kotakan perkataannya. Mungkin ia akan menulisnya minggu depan. Mengikut Straits Times Singapura (Jumaat, 12 September) Shari enggan membuat sebarang komen. Majalah ini diterbitkan setiap hari Jumaat beribu pejabat di New York.

Apapun Shari telah merosakkan imej profesion kewartawanan. Wartawan dilarang keras mengugut untuk mencari bahan dan cerita apalagi untuk memaksa interview diadakan. Beranikah penulis ini dengan nada dan bahasa kasar mengugut Lee Kuan Yew atau Presiden George Bush? Saya tidak fikir dia berani kerana Shari tahu konsekwennya .

Selepas insiden ini saya percaya pembaca sukar mempercayai rencana, berita dan apapun yang disiarkan oleh BusinessWeek tentang Malaysia. Saya membaca media Barat tapi saya lazimnya diskaun apa yang saya baca itu.

Kalau seorang wartawan terpaksa mengugut untuk mendapat interview atau sesiapaapun berbuat demikian untuk menemubual maka manusia itu tiada harga